

Jenayah: Jangan .

UM - 4 SEP 2001

KUCHING 3 Sept. — Masyarakat diminta menghentikan perbuatan **menuding jari** dan menyalahkan belia **atas apa juga** perlakuan jenayah yang berlaku di negara **ini**.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, masanya telah tiba bagiolonganlebih

dewasa mengambil sikap **terbuka** dengan menganggap belia sebagai rakan, bukan musuh.

“Walaupun belia di Malaysia **menghadapi masalah**, ia bukan perkara **ganjil**,” ujarnya semasa berucap **pada** sesi dialog bersama pemimpin persatuan belia dan sukan Sarawak **malam tadi**. Hi-

shammuddin menjelaskan, statistik menunjukkan **hanya** 8 peratus kes jenayah di negara **ini** membabitkan **belia** berbanding Jepun (42.5 peratus), **Indonesia** (21.8 peratus) dan China (14.4 peratus).

Beliau mengakui memang **ada** belia telah melakukan kesilapan tetapi **ini** bukan

hanya salahkan belia

bermakna masalah **tersebut** begitu meruncing seperti yang digembar-gemburkan oleh media **massa**.

Katanya, kekeliruan **ini** dapat dileraikan jika **pemimpin** belia sendiri berusaha menangani masalah yang timbul.

Sementara itu, **Hishammuddin** mengumumkan

langkah kementerianya memohon peruntukan **tambahan** untuk Sabah dan Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

“**Saya** telah sampaikan memorandum kepada **Perdana** Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang **juga** Menteri Kewangan **untuk** peruntukan **tambahan**,”

katanya **tanpa** menjelaskan jumlah yang dipohon.

Dalam perkembangan yang **sama**, Hishammuddin bersetuju perlunya dibina **sebuah pusat Rakan Muda** di negeri **ini** dan beliau bersedia mendapatkan peruntukan membiayainya dengan **syarat** lokasi sesuai.